

Sukan

3 pesilat acara tanding mara ke pusingan suku akhir

PESILAT acara tanding memulakan Kejohanan Pencak Silat Dunia ke-18 dengan langkah kanan semalam.

Tiga pendekar negara berjaya melangkah ke pusingan suku akhir yang akan diadakan hari ini di OCBC Arena, Hab Sukan Singapura.

Muhammad Naashiruddin Khamis berjaya mengalahkan lawannya dari Algeria, Mansouri Tarek 5-0 bagi acara Kelas C (55-60 kilogram).

Sementara itu, Muhammad Hazim Mohd Yusli juga me-

nempah tempat ke pusingan seterusnya menerusi keputusan 'walkover' bagi acara Kelas B (50-55kg).

Berbanding dua rakan pasukannya, Adib Farhan Ramli terpaksa melalui laluan yang lebih mencabar ketika bertarung dengan pesilat Thailand, Arnon Ngamkham bagi acara Kelas F (70-75kg)

Saingan yang sengit itu akhirnya menyaksikan Adib menewaskan Arnon dengan keputusan 3-2.

Pertarungan kejohanan dunia ini akan diteruskan hari ini.



TARIKH: 13 hingga 16 Disember 2018
WAKTU: 9 pagi hingga 10 malam (*Jadual penuh boleh didapati menerusi laman rasmi Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-18*)

TEMPAT: Dewan 1, OCBC Arena, Hab Sukan Singapura

TIKET: Tiada bayaran dikenakan. Masuk percuma.

Untuk maklumat lanjut tentang kejohanan ini, layari laman www.wpsc2018.com

MAKLUMAT PESTA SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

Selain pertarungan pesilat di dalam gelanggang, orang ramai dan pengunjung antara lain berpeluang mengambil bahagian dalam pelbagai acara sampingan yang ditempatkan di Dewan 2 OCBC Arena bagi memeriahkan lagi Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-18 di Hab Sukan Singapura selama empat hari.

1) PAMERAN WARISAN DAN BUDAYA PENCAK SILAT

Para pengunjung dapat mempelajari lebih lanjut dan mengenal asal-usul budaya dan warisan Pencak Silat daripada pameran yang akan disediakan. Mereka juga dapat mengenali dan melihat secara dekat senjata tradisional dan peralatan muzik yang digunakan yang biasanya mengiringi seni Pencak Silat ini.

2) SESI DEMONSTRASI DAN PERCUBAAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

Terdapat beberapa sesi demonstrasi daripada atlit pelbagai bidang seni mempertahankan diri seperti Aikido, Wushu, Taekwondo, Kickboxing, Judo dan lain-lain yang dapat disaksikan dan diikuti para pengunjung.

**Maklumat mengenai jadual sesi demonstrasi dan percubaan seni mempertahankan diri boleh didapati menerusi laman rasmi.*

3) MAKMAL BERGERAK 'ACTIVE HEALTH'

Pengunjung boleh mendapatkan maklumat bagaimana mereka mampu menjaga kesihatan mereka dan kekal aktif dan sihat menerusi reruai makmal bergerak Active Health yang akan disediakan di pesta itu. Antara lain, informasi seperti bagaimana menyediakan makanan sihat serta mendapatkan tidur yang mencukupi juga dapat mereka perolehi dari reruai Active Health ini.

4) BAZAR RUNCIT

Beberapa gerai yang menjual pelbagai barangan dan peralatan akan disediakan bagi para pengunjung.

5) JEJAK PENGALAMAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

Dengan hanya membayar \$5, mereka yang berminat boleh mengikuti dua sesi percubaan Pencak Silat di lima Pusat Sukan ActiveSG berdekatan dengan rumah mereka seperti Pasir Ris, Toa Payoh, Bedok, Yishun dan Jurong West.

Di samping itu, mereka juga akan dibawa menyaksikan aksi Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-18 dengan menaiki pengangkutan yang disediakan.

**Maklumat lanjut dan jadual Jejak Pengalaman ini boleh didapati menerusi laman rasmi.*